

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk melaksanakan sistem persekolahan satu sesi di seluruh Malaysia menjelang tahun 2017 memandangkan sistem persekolahan satu sesi ini memberi kesan yang baik terhadap pengurusan waktu pembelajaran pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab dalam pembangunan modal insan Negara, sentiasa menfokuskan kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah dan juga berhasrat yang tinggi dalam melaksanakan persekolah satu sesi.

Buat masa ini, terdapat 10,117 (Jan 2014) dimana 86%(8,705 sekolah) dan hanya 14%(1,412 sekolah) beroperasi dalam dua sesi persekolahan. KPM masih berhasrat untuk menjadikan semua sekolah beroperasi dalam satu sesi persekolahan dan telah menetapkan satu insiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan buat masa ini, KPM sedang menyediakan perancangan strategik jangka panjang yang melibatkan perancangan pembangunan pendidikan RMKe-11 dan RMKe-12 yang

. melibatkan pembinaan sekolah baharu, bangunan tambahan dan gentian bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi. Rjm51